

KEMENANGAN POLITEKNIK MERLIMAU DI 24th INTERNATIONAL INVENTION, INOVATION, & TECHNOLOGY EXHIBITION (ITEX 2013)

Politeknik Merlimau Melaka (PMM) telah menyertai pameran dan pertandingan inovasi peringkat antarabangsa **24th International Invention, Innovation, & Technology Exhibition (ITEX 2013)** pada 8-11 Mei 2013. PMM telah menghantar 4 produk inovasi untuk menyertai pertandingan tersebut di bawah Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) yang telah menghantar 24 produk inovasi menerusi Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS), Politeknik Ungku Omar (PUO), Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), Politeknik Seberang Perai (PSP) dan Politeknik Merlimau Melaka (PMM). Penyertaan PMM adalah menerusi Ruslan bin Abdul Jalil dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dengan produk inovasi “*Light Bulb Changer*”, Engr. Ariffuddin bin Ibrahim dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan produk inovasi “*CuVeR*”, Noorhaslizah Binti Ahmad Rosli dengan produk inovasi “*Smart Water Trap*” dan Norhafizah Binti Manap dari Jabatan Kejuruteraan Awam dengan produk inovasi “*Pole Cap*”.



Wakil dari Malaysian Invention Design Society(MINDS) bersama pemenang-pemenang Anugerah Emas Politeknik Merlimau Melaka di ITEX2013

Pertandingan tersebut telah berlangsung di KL Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur selama 3 hari. Walaupun ini merupakan julung kali PMM menyertai pameran tersebut, tetapi kecemerlangan yang ditunjukkan agak mencerlah dengan kejayaan merangkul tiga anugerah emas melalui produk inovasi “*Light Bulb Changer*”, “*Smart Water Trap*” dan “*Pole Cap*” manakala produk inovasi “*CuVeR*” telah membawa pulang anugerah Perak.



Ketua Pengarah JPP Datuk Mokhlis Jaafar bersama pemenang-pemenang Anugerah Emas Politeknik Merlimau Melaka di ITEX2013



Lebih membanggakan apabila produk inovasi “*Light Bulb Changer*” di ketuai Ruslan bin Abdul Jalil dan Hazreen Bin Othman turut menerima pengiktirafan antarabangsa setelah menerima Anugerah Khas dari Juri iENA 2012 (*Ideas, Invention, New Products*) Nuremberg, Jerman kerana inovasinya dalam pemasangan dan penukaran “*energy saving bulb*” untuk sistem lampu “*downlight*” tanpa risiko terkena renjatan arus elektrik atau kecederaan anggota badan. Konsep idea rekaan di ambil daripada gabungan aplikasi “*push up pencil*” dan “*fishing reel system*” dan produk inovasi ini berkeupayaanya untuk melakukan penukaran dan pemasangan sekurangnya 6 biji mentol atau lebih dalam satu masa bergantung kepada ketinggian sesuatu sistem “*downlight*”.



Menurut Normah binti Jantan selaku Ketua Deligasi Politeknik Merlimau, Pameran & Pertandingan ITEX2013 ini merupakan satu pesaingan sihat yang dapat mencabar kreativiti perekejasa dan penyelidik-penyalidik di PMM untuk terus kehadapan. Kejayaan PMM dalam merangkul 3 pingat emas dan 1 pingat perak ini akan turut memberi perangsang kepada penyelidik-penyalidik muda untuk terus lebih kreatif dalam menghasilkan produk inovasi. Beliau juga melahirkan rasa terharu atas komitmen yang amat tinggi yang diberikan oleh Pengarah Politeknik Merlimau Mejar (K) Zolkarnain bin Hj.Jobshi, di atas sokongan dan dorongan bagi memastikan kejayaan PMM di dalam pertandingan ini. Beliau juga mengharapkan kejayaan ini akan menjadi titik tolak serta peluang kejayaan yang lebih mencabar pada masa akan datang.

ITEX2013 merupakan satu platform antarabangsa untuk pencipta tempatan, antarabangsa dan saintis penyelidikan untuk membentangkan ciptaan dan inovasi mereka kepada komuniti perniagaan yang berminat dan seterusnya mengkomersialkan ciptaan tersebut. Pameran dan pertandingan ini dianjurkan MINDS (*Malaysian Invention & Design Society*). Kali pertama pertandingan ini dilangsungkan pada tahun 1989 dan merupakan acara tahunan yang telah menarik pencipta dengan ciptaan terbaru dan inovasi terkini dari mereka. Penyertaan ITEX terdiri daripada universiti, institusi penyelidikan, pencipta individu, pencipta muda, dan syarikat-syarikat dari Malaysia, Asia, Eropah dan lebih 15 negara yang lain dan telah menarik 15 ribu pelawat setiap tahun.

Di sediakan : Normah Binti Jantan
normah@pmm.edu.my